

# SYARIKAT BUMIPUTERA DISERU BERGABUNG

Oleh Azemi Haji Bakar

UM

**K**UALA LUMPUR 10 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru pengusaha-pengusaha bumiputera supaya menggabungkan diri dalam syarikat-syarikat besar dalam sesuatu bidang perniagaan atau perusahaan untuk bersaing dengan syarikat gergasi lain.

Perdana Menteri menegaskan, penubuhan sebuah syarikat besar itu akan dapat mengumpulkan modal, tenaga dan kemahiran bumiputera ke arah satu matlamat dengan lebih berkesan.

Katanya, terdapat banyak syarikat kecil bumiputera dan pengusaha-pengusaha individu bumiputera yang menjalankan aktiviti dalam sesuatu bidang menemui kegagalan kerana bergerak secara bersendirian.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan penubuhan sebuah syarikat pengangkutan bumiputera di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, syarikat gabungan harus mempunyai seorang pengurus yang berkhidmat dengan sepenuh

masa, pakar-pakar dalam sesuatu bidang dan kakitangan yang mahir untuk menjalankannya.

Katanya, "kalau terdapat sebuah bas ekspres, ia akan memerlukan seorang pengurus dan sejumlah kakitangan. Begitu juga dengan 10 atau 100 buah bas yang memerlukan seorang pengurus dan sejumlah kakitangan, malah tumpuan yang lebih penuh akan dapat diberikan ke arah menjayakannya".

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, oleh kerana terdapat banyak syarikat kecil yang memasuki dalam bidang yang sama, tenaga, wang dan masa yang banyak

terpaksa ditumpukan kepada satu perusahaan yang sebenarnya dapat dijalankan dengan beberapa kerat tenaga sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, tabiat memasuki sesuatu bidang perusahaan atau perniagaan itu secara beramai-ramai sering berlaku di kalangan pengusaha bumiputera yang berakhir dengan kegagalan.

Beliau memberi contoh, terutama dalam bidang kenderaan di mana beratus-ratus orang pengusaha bumiputera telah memohon untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perkhidmatan bas antara Kota Bharu dengan pantai barat melalui Lebu Raya Timur Barat.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan tidak menjadi masalah untuk mengeluarkan lesen kepada semua pemohon itu tetapi cara ini akan membahagi-bahagikan modal, tenaga dan kemahiran bumiputera yang sedikit itu.

"Apabila kerajaan

putera dengan mengenyakan kepentingan kaum demi kejayaan perniagaan atau perusahaan mereka.

Beliau berharap, para usahawan lain itu akan dapat memberi peluang dan layanan yang positif sekiranya bumiputera dapat menunjukkan kemampuan dan khidmat yang baik.

Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan, selama ini terutama dalam bidang pembinaan pengusaha bumiputera hanya mendapat peluang dari kerajaan atau badan-badan kerajaan sahaja dan tidak dari badan-badan swasta.

"Keadaan seperti ini tidaklah sihat kerana kita tahu bahawa bumiputera juga menjadi pelanggan kepada sebarang perniagaan yang dianjurkan oleh kaum-kaum lain. Oleh itu sudah sewajarnya kaum-kaum lain memberi layanan yang sama kepada bumiputera", katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pengusaha-

mengeluarkan lesen kepada setengah-setengah pemohon sahaja maka timbul tuduhan dari pemohon yang tidak berjaya itu bahawa berlaku pilih kasih di kalangan pegawai atau menteri yang hanya memberikan kepada orang yang terdekat dengan mereka sahaja," katanya.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, apabila gagal pengusaha-pengusaha bumiputera itu menyalahkan kaum lain kerana mereka begitu besar dan dapat membuat sekatan-sekatan tertentu ke atas bumiputera.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya menyeru usahawan-usahawan kaum lain supaya memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berkemampuan untuk sama-sama menjalankan sesuatu perniagaan atau perusahaan itu.

Katanya, hubungan yang positif itu terutama sekali dengan terbentuk persefahaman antara Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia dengan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Malaysia akan dapat membentuk semangat perpaduan antara kaum dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

"Selanjutnya hubungan baik dalam bidang ekonomi antara kaum itu mempercepatkan proses pembangunan negara yang akan dapat dinikmati oleh semua keturunan masyarakat," tegas beliau.

Katanya, usahawan-usahawan kaum lain seharusnya memberi layanan yang sama kepada pengusaha-pengusaha bumi-

pengusaha bumiputera supaya menyediakan perniagaan, pengurusan dan khidmat yang baik sekiranya hendak diberi layanan dan peluang oleh kaum lain.

Katanya, sekiranya pengusaha bumiputera tidak berpegang pada janji dan tidak dapat memberi khidmat yang baik maka pihak lain tidak dapat disalahkan apabila tidak dapat langgan, layanan dan peluang itu.